

# KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: BERITA HARIAN (BENCANA)

TARIKH: 16 JULAI 2017

MUKA SURAT: 22

## Tanah runtuh cemaskan penduduk

**Bau:** Sebuah rumah di Kampung Bijuray Mogang, Krokong, di sini, hampir ranap apabila tanah dari bukit di belakang rumah itu runtuh selepas hujan lebat, lewat petang kelmarin.

Kejadian jam 6.30 petang itu menyebabkan bahagian belakang dan ruang tamu rumah yang didiami tiga penghuni itu mengalami kerosakan sehingga memaksa penghuninya lari kerana bimbang kejadian buruk berlaku.

Penduduk yang bimbangkan keselamatan penghuni rumah itu segera menghubungi talian kecemasan pada jam 7.20 malam untuk meminta bantuan.

Jurucakap Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) Bau berkata, sejurus menerima panggilan, pihaknya menghantar seorang pegawai dan tiga anggota ke lokasi kejadian.